

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI DIUPACARA  
PERASMIAN BANGUNAN KERAJAAN PUSAT, KOTA  
BHARU, KELANTAN PADA 5HB NOVEMBER, 1964

Tuan Pengerusi,  
D.Y.M.M. Sultan Kelarrtan,<sup>1</sup>  
D.Y.M.M. Raja Perempuan Kelantan,<sup>2</sup>  
Y.A.B. Menteri Besar Kelantan,<sup>3</sup>  
Ahli-ahli Yang Berhormat dan  
Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Patik dengan sukacitanya bagi pihak Kerajaan Pusat menyebarkan ucapan selamat datang kepada Kebawah D.Y.M.M. Sultan dan Raja Perempuan Kelantan di Pembukaan Bangunan Persekutuan pada hari yang bertuah ini. Patik dan Kerajaan Pusat sangat gembira dan menyebarkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Kebawah D.Y.M.M. Sultan dan Raja Perempuan Kelantan kerana sudi mencemar Duli hadir dipembukaan ini. Sekarang patik mohon ampun untuk berucap seterusnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya amat sukacita kerana dapat hadir bersama untuk menyaksikan majlis perasmian Bangunan Kerajaan Pusat di Kota Bharu oleh D.Y.M.M. Sultan pada hari ini. Saya sentiasa suka datang ke Kelantan, negeri yang indah ini dan dengan adanya semangat baru antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri ini, saya berharap, saya akan datang ke sini lebih kerap lagi untuk bersama-sama merancang, dan menjalankan kemajuan-kemajuan bagi Negeri Kelantan serta rakyatnya supaya kemajuan dan pembangunan di sini seimbang dengan kemajuan yang didapati oleh negeri-negeri lain dalam Malaysia.

Saya suka mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Pengerusi Jawatankuasa sambutan dan Pembukaan Bangunan Persekutuan di Kota Bharu kerana sudi menjemput saya menghadiri upacara perasmian Bangunan Persekutuan ini. Saya juga mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian yang telah sudi datang bersama-sama untuk menyerikan majlis pada hari ini.

<sup>1</sup> **D.Y.M.M. Tuanku Syed Petra Ibni AlmaiHum Sultan Ibrahim.**

<sup>2</sup> **D.Y.M.M. Tuanku Zainab binti Tengku Muhamed Petra.**

<sup>3</sup> **Y.A.B. Dato' Asri Hj. Muda.**

Bangunan Persekutuan ini adalah sebesar-besar bangunan Kerajaan di Kelantan pada masa ini. Pada mulanya Kerajaan Pusat tidak ada rancangan untuk membuat sebuah bangunan yang begitu indah di Kota Bharu. Asalnya tanah ini telah didapati untuk mendirikan sebuah pejabat kecil bagi Kementerian Buruh di Kota Bharu. Tetapi oleh kerana Kerajaan Pusat sedar tentang kurangnya bangunan-bangunan Kerajaan di Kota Bharu dan bagi menyahut rayuan-rayuan dari Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat yang berada di Kota Bharu maka Kerajaan Pusat telah bersetuju membangunkan sebuah bangunan yang sesuai untuk menempatkan semua Pejabat-pejabat Kerajaan Pusat yang ada di Kota Bharu ini di dalam sebuah rumah. Harga Bangunan Persekutuan yang bertingkat-tingkat ini ialah sebanyak lebih kurang \$1,120,000/—.

Bangunan Persekutuan di Kota Bharu ini mengikut bentuk kompok Pejabat Kerajaan mempunyai empat tingkat yang telah dibina di beberapa negeri yang lain. Kerajaan Pusat berpendapat bangunan-bangunan Pejabat Kerajaan sekarang sangat sesuai berbentuk demikian. Kementerian saya sendiri pun berbentuk serupa ini. Saya suka memberitahu tuan-tuan dan puan-puan sekalian bahawa Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat yang berada dalam bangunan ini sekarang ialah Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Odit, Jabatan Kajibumi, Jabatan Pelajaran, Jabatan Buruh, Jabatan Kemajuan Kerjasama dan Jabatan Pilihanraya. Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, dengan adanya bangunan baharu ini maka sedikit sebanyak kesusahan yang ditimpa oleh rakyat pada masa-masa dahulu telah dapat dibasmikan oleh kerana sekarang tidaklah payah lagi rakyat sekalian menjelajah dari satu tempat ke satu tempat di Kota Bahru ini untuk pergi ke Pejabat-pejabat Kerajaan yang berkenaan yang sebelum ini duduknya berselerak di merata-rata bandar ini. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sekarang boleh berutus dengan 7 buah Jabatan-jabatan Kerajaan Pusat dengan tidak payah berjalan jauh kerana semuanya berada di dalam sebuah bangunan sahaja. Selain daripada mengekonomikan masa rakyat, dengan adanya bangunan ini maka Pejabat-pejabat Kerajaan telah berada di tempat yang sesuai, indah dan sempurna. Pada masa dahulu, setengah-setengah Pejabat Kerajaan tidak sempurna kedudukannya. Kerajaan Pusat sangat sukacita kerana sekarang kita telah dapat mengatasi perkara ini. Mustahaklah Pejabat-pejabat Kerajaan, apa lagi, yang mempunyai hubungan dengan rakyat seluas-luasnya supaya di tempatkan di bangunan-bangunan yang sempurna, dan indah supaya senang rakyat-rakyat datang membuat pekerjaan dan urusan-urusan dengan Pegawai-pegawai Kerajaan. Kerajaan P'usat mempunyai rancangan-rancangan untuk membaharui bangunan-bangunan yang lama dan bukan sahaja setakat hendak membaharui bangunan-bangunan itu malah kita sedaya upayanya mencantikkan lagi.

Kerajaan Pusat sedar tentang kekurangan kemajuan di Negeri Ke-

lantar pada masa ini dan Kerajaan Pusat akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri untuk membawa kemajuan-kemajuan seboleh-bolehnya yang dapat berdasarkan kerjasama ini. Saya berasa bangga kerana telah ada pertemuan fikiran sedikit sebanyaknya antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Setakat mana Kerajaan Pusat boleh menolong Kerajaan Negeri terserahlah setakat mana pula Kerajaan Negeri sanggup bekerjasama dengan Kerajaan Pusat. Setakat ini, saya sangat sukacita kerana telah ada tanda-tanda dan persetujuan-persetujuan untuk mempererat lagi kerjasama antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri. Sangatlah perlu Kerjasama dan perkongsian antara Pusat dan Negeri sentiasa ada jika sesuatu negeri itu mahu maju dan progresif. Sebarang pertelingkahan Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri tidak menguntungkan sesiapa, apa lagi negeri itu sendiri. Dengan berakhirnya kurang kerjasama dan salah faham di antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Pusat maka, saya berharap cahaya baru akan timbul dan memancar di Kelantan. Dengan kedatangan cahaya baru ini, saya harap akan terang benderanglah negeri Kelantan dan bersesaklah pula dengan rancangan-rancangan kemajuan untuk rakyat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sekalian telah maklum, negara kita sekarang ini sedang di ancam oleh sebuah negara tetangga dan sedarah daging dengan kita, iaitu Indonesia. Tuan-tuan sudah tahu sebab-sebab adanya konfrantasi Indonesia ini. Saya hanya suka menambah atau menjelaskan lagi tentang sebab-sebabnya konfrantasi ini dipaksa kepada kita oleh Indonesia. Dasar Kerajaan Pusat ialah untuk berbaik-baik dengan semua negara, apa lagi dengan negara yang berjiran dengan kita seperti Indonesia itu. Kita telah berikhtiar seboleh-bolehnya untuk berbaik dengan Indonesia kerana kita memandang Indonesia lebih daripada sebuah negara tetangga. Dengan sebab itu pada tahun 1959 kita telah membuat perjanjian persahabatan antara negara kita dengan Indonesia. Kita tidak pernah membuat perjanjian persahabatan dengan negara-negara asing yang lain selain daripada Indonesia. Ini menunjukkan betapa besarnya pandangan dan harapan kita kepada Indonesia dan betapa lurus dan ikhlasnya kita untuk sentiasa bersahabat dan hidup aman damai dengan Indonesia. Tetapi Indonesia, sebaliknya tidak mengindahkan usaha-usaha kita untuk mengeratkan lagi persahabatan kita dengannya. Ini adalah kerana Indonesia tidak berniat baik terhadap kita. Presiden Soekarno dan kawan-kawannya yang dipengaruhi oleh P.K.I, itu bukan mahu bersahabat dengan kita. Perbuatan-perbuatannya sekarang dan yang sudah lepas apa lagi pendaratan-endaratan tentera-tenteranya di Malaysia melalui udara dan laut menunjukkan bahawa apa yang dikehendaki oleh Soekarno bukanlah persahabatan tetapi ia hendak menakluki negara kita ini. Kita tidak menghalau British dari negeri ini untuk menerima Soekarno dan Komunis. Selagi Indonesia tidak mengindahkan perasaan orang dan negeri lain dan selagi ia tidak menghormati kemerdekaan dan

maruah negara kita selagi itulah pula tidak ada perdamaian dan persahabatan di Tenggara Asia ini dan dengan negara kita. Kita sentiasa sedia bila masa pun sudi berunding dengan Indonesia dan di mana-mana pun dengan tidak payah orang tengah jika Indonesia sanggup menghormati kemerdekaan dan kedaulatan negara kita dan jika Indonesia berjanji untuk mengundurkan tentera-tentera dan gurila-gurila yang berada di negara kita. Indonesia juga mesti berjanji ia tidak akan engkar akan janji-janjinya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

Mustahak faham bahawa kita tidak bermusuhan dengan rakyat Indonesia malah kita juga turut berdukacita kerana kesusahan yang mereka sedang alami di bawah pemerintahan Soekarno pada hari ini. Kita tidak bermusuhan dengan rakyat Indonesia dan tidak akan bermusuhan pada bila-bila pun. Kita hanya bermusuhan dengan Soekarno dan Kuncu-kuncunya. Kita bermusuhan dengan Soekarno sebab ia hendak mengganyang kita, jika tidak, kita tidak akan bermusuhan. Kita telah memberi amaran kepada Indonesia semasa kita bersahabat baik dulu supaya berjaga-jaga dengan komunis. Pada masa itu Indonesia hanya mengatakan bahawa kita ini sentiasa takut dengan komunis dan mentertawakan amaran kita itu. Tetapi sekarang belang dan taring P.K.I, sudah pun timbul. P.K.I, sekarang sangat kuat dan telah pun mengatakan bahawa jika mereka berkuasa di Indonesia maka ia tidak akan menghormati pancasila dan falsafah politik Indonesia yang mengakui adanya Tuhan. Dasarnya yang utama parti komunis ialah tidak percayakan Tuhan. Seorang tidak boleh mengganti seorang komunis jika ia percayakan Tuhan dan bersemangat kebangsaan. Setakat ini P.K.I, menerima adanya Tuhan kerana ia belum berkuasa lagi tetapi sekarang ia sudah kuat ia telahpun berkata dengan tidak segan silu lagi bahawa jika ia berkuasa, ia tidak akan menerima konsep adanya Tuhan. Dengan adanya perkembangan-perkembangan baru di Indonesia dan kesangsian-kesangsian antara satu parti politik dengan lain di Indonesia, saya tidak hairan jika negara itu akan menambah kucar kucir dan kalau tidak dijaga betul-betul harus dalam kucar kacir itu lahir pula pemerintahan komunis di Indonesia. Saya berdoa kepada Tuhan rabbul'alamin dan yang maha pemurah supaya ini dapat dielakkan. Saya berdoa supaya kerajaan yang betul-betul berkehendakkan aman damai dengan negara-negara jirannya akan lahir di Indonesia. Sebelum lahirnya kerajaan itu, kita mestilah sentiasa berada dalam keadaan sedia untuk mempertahankan negara ini daripada diceroboh oleh Soekarno. Kerajaan Pusat akan membesarkan lagi angkatan-angkatan Tentera Laut, Udara dan Askar Melayu dan Askar Berjalan Kaki, Tentera Wataniah dan lain-lain lagi. Dalam masa itu pun, pembangunan negara dan luar bandar tidak akan terganggu. Kerajaan Pusat sentiasa berusaha bagi menaiki taraf hidup rakyat di negara ini apa lagi mereka yang tinggal di luar bandar. Tujuan kita ialah untuk memberi

segala kemudahan hidup kepada rakyat-rakyat di luar bandar supaya taraf hidup mereka seimbang dengan taraf hidup rakyat di bandar-bandar. Kerajaan Pusat akan menolong Kerajaan Kelantan jika rakyat dan Kerajaan Negeri memberi peluang kepada saya. Kelantan adalah sebuah negeri yang indah dan mempunyai harapan yang besar dan cemerlang dari segi kemajuan penduduk-penduduk, dari segi politik. Maka amat mustahaklah negeri ini diberi kemajuan-kemajuan yang seimbang dengan negeri-negeri lain supaya rakyat di sini boleh memainkan peranan yang sama dengan mereka yang berada di luar negeri Kelantan bagi meninggi dan memperbaiki negara Malaysia. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, itulah sahaja ucapan saya pada hari ini. Saya dengan sukacita bagi pihak Kerajaan Pusat dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian menyembahkan Kebawah D.Y.M.M. Sultan Kelantan untuk merasmikan pembukaan Bangunan Persekutuan ini.

D.Y.M.M. Sultan Kelantan, Patik dengan sukacitanya dan dengan segala hormatnya memohon anpun Tuanku untuk merasmikan pembukaan Bangunan Persekutuan ini. Ampun Tuanku.